



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

3 Nov 2020 (Selasa)

Berita Harian

Sultan Selangor ucap tahniah 2 petugas HSB	1
Jajaran WCE Selangor siap 2024	2
Lima ADUN ditegur	3
Pertumbuhan ekonomi Selangor dijangka 2 peratus	4

Utusan Malaysia

Sultan Selangor titah PBT, polis pantau SOP PKPB	5
Pencemaran tak selesai selagi ada kilang haram	6

Harian Metro

'MB Selangor tidak langgar perintah HSO'	7
Perketatkan SOP	8
Sultan Selangor zahirkan ucapan tahniah	9
Kecoh baju melayu	10
Kelewatan WCE siap babit isu tanah	11

Kosmo

PBT, polis perlu lebih tegas pantau SOP	12
Pejabat MB Selangor sahkan terima kertas siasatan ingkar SOP	13
DUN kecoh sebab pakaian kebangsaan	14

Sinar Harian

Dua suspek cemar Sungai Gong dituduh hari ini	15
Baju kebangsaan kecohkan Sidang Dun Selangor	16
Lebuh Raya WCE di Selangor dijangka siap pada 2024	17
Pembangkang bangkitkan isu air	18
Unjuran pertumbuhan ekonomi Selangor tahun ini menurun	19
MDHS rangkul dua anugerah emas dalam RISTEx	20
'PBT, polis perlu tegas pantau PKPB'	21
Kontinjen Selangor sasar 45 emas, 40 perak, 40 gangsa	22

Bernamea Radio 24

Pertumbuhan Ekonomi Dijangka Lebih Rendah	23
---	----

HOT FM

Pertumbuhan ekonomi Selangor diunjur 2.09%	24
--	----

TV3

Pertumbuhan Ekonomi Dijangka Lebih Rendah	25
---	----

The Star

'Increase quantum of death benefit'	26
Three opposition reps rapped for not following dress code	27
Travel bubble among ideas mooted to revive tourism industry	28
Selangor Sultan unhappy with indifference to SOP	29
Opposition reps slam Selangor's water woes	30

New Straits Times

'SELANGOR MB DIDN'T BREACH QUARANTINE'	31
--	----



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Selangor portion of WCE to be completed by 2024	32
The Sun	
Delay in completion of expressway	33
Sultan wants strict CMCO compliance	34
Two directors to be charged over Sungai Gong pollution	35
BFM89.9	
Selangor MB Did Not Violate Any Home Quarantine Order	36
Selangor MB Did Not Violate Any Home Quarantine Order	37
NTV7	
Selangor MB Did Not Violate Any Home Quarantine Order	38
The Malaysian Reserve	
Selangor expects GDP to be slashed by half	39
WCE highway completion delayed to 2024	40
China Press	
Selangor scope project progress 61.22%, WCE expected to open to traffic in 2024	41
Sin Chew Daily	
Kepong Wangsa Permai and Wangsa Aman districts received RM505,000 for repaved roads and completed ahead of schedule.	42
Pangsapuri PKNS Bandar Sultan Sulaiman is said to have a case of covid-19, MPK promptly disinfects it.	43
Hee Loy Sian: State govt cooperated with an online e-wallet to distribute RM2 million travel vouchers to attract tourists to Selangor.	44
Izham: The construction progress of the WCE project in Selangor reached 61.22%.	45
Khairuddin: Training of SUKMA is suspended during the implementation of CMCO in Selangor and KL, athletes can only train at home.	46
MB: No matter how bad this year's economy is, Selangor's economic growth will not be lower than -1.47%.	47
SMUE will be restarted from January next year. Compassionate aid for deaths before this date cannot be retroactive.	48
The ban has been lifted before going out to work, Selangor MB is willing to extend the quarantine period	49
Selangor pollution case; Father and son charged today, another 6 people charged to become prosecution witness	50
Nanyang Siang Pau	
SMUE to be re-activated next year to restore death pension system	51
Fashion wars in Selangor assembly; Opposition party members wearing Baju Melayu and not lounge suits draw controversy	52
Secretary : Release letter received after tested negative 3 times; Selangor MB did not violate quarantine order	53
Guang Ming Daily	
Under the Coronavirus Economic Revitalization Support	54
Selangor receives RM15million grant to fight the pandemic	
Ng Suee Lim: Don't use Malay customs as a guise	55
Reprimand opposition parties for wearing Malay clothes	



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Makkal Osai

Selangor B did not breach law -Says his officer	56
Selangor state govt's economy growth expands 2 percent only due to Covid pandemic	57
Selangor Sultan congratulate Sungai Buloh medical team for recognised with Global Award 2020	58
41179 Dengue cases in Sso far this year	59

Malaysia Nanban

Selangor MB did not break any quarantine rules	60
Two company directors to be charged regarding Sg Gong pollution	61



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 3 November 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor ucap tahniah 2 petugas HSB
Muka Surat	:	6

Sultan Selangor ucap tahniah 2 petugas HSB

Shah Alam: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, menzahirkan ucapan tahniah kepada dua petugas Hospital Sungai Buloh (HSB) yang menerima pengiktirafan Anugerah Kesihatan Global (GHA 2020).
Ucapan tahniah itu dizahirkan kepada Ketua Jabatan Penyakit Berjangkit, Dr C Suresh

Kumar dan Ketua Jabatan Anestesia dan Rawatan Rapi, Dr Shafiqul Azman Zakaria.

"Baginda amat berbangga dengan pencapaian cemerlang petugas barisan hadapan di Hospital Sungai Buloh khususnya dan di Selangor amnya, yang menunjukkan dedikasi dan komitmen tinggi dalam usaha menghapus-

kan wabak berbahaya COVID-19.

"Baginda berharap petugas barisan hadapan terus tabah dan cekal dalam menjalankan tugas masing-masing merawat pesakit COVID-19," titah baginda menerusi Facebook Selangor Royal Office, semalam.

Sultan Selangor turut mengingatkan pihak berkuasa tem-

patan (PBT) dan polis supaya lebih tegas dalam pemantauan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berikutan statistik kes baharu COVID-19 di negeri itu terus meningkat.

"Baginda juga kecewa kerana masih terdapat segelintir pihak tidak mengambil serius, lalai dan

ingkar dalam mematuhi arahan PKPB khususnya pengendali premis hiburan dan makanan.

"Baginda kluatir sekiranya kedegilan pematuhan SOP di bawah PKPB ini berterusan, penularan wabak berbahaya COVID-19 akan sukar untuk dibanteras sepenuhnya," titah Sultan Sharafuddin.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
3 November 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Jajaran WCE Selangor siap 2024
Muka Surat	:	22

Jajaran WCE Selangor siap 2024

Shah Alam: Pembinaan jajaran Lebuh Raya Pantai Barat (WCE) di Selangor dijangka siap sepenuhnya pada 2024, iaitu lewat sedikit daripada sasaran ditetapkan sebelum ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pembedaan Pertanian dan In-

dustri Asas Tani negeri, Izham Hashim, berkata berdasarkan jadual asal, jajaran WCE di Selangor dijangka siap pada akhir 2022 atau awal 2023.

“Ia mengalami kelewatan berpunca daripada isu pengambilan tanah di Banting dan Tanjung Karang belum selesai.

“Selain masalah pengambilan tanah, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac lalu turut menyumbang kepada kelewatan itu,” katanya ketika menjawab soalan tambahan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Banting (PH), Lau Weng San, semalam.



KERATAN AKHBAR

3 November 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Lima ADUN ditegur
Muka Surat	:	22

Lima ADUN ditegur

Shah Alam: Lima Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) pembangkang di Selangor ditegur Speaker, Ng Suee Lim kerana tidak mematuhi peraturan apabila memakai baju kebangsaan pada permulaan sesi sidang DUN, semalam.

Suee Lim ketika permulaan sesi sidang menegur tindakan lima ADUN berkenaan dan menjelaskan ADUN mesti berpakaian kemas 'lounge suit' pada sesi dewan, manakala pemakaian baju kebangsaan (baju Melayu) dibenarkan pada Jumaat.

"Pagi ini (semalam), saya nampak dalam dewan yang mulia ini, ADUN melanggar

peraturan saya tetapkan.

"Kelonggaran saya berikan pada Jumaat, iaitu ADUN boleh memakai pakaian kebangsaan.

"Perkara sama, saya tegaskan kepada ADUN Templer (Pakatan Harapan) sebelum ini.

"Hari ini (semalam) saya berikan teguran dan esok (hari ini) sila ikut peraturan ditetapkan supaya rakyat melihat kita sebagai pemimpin yang berdisiplin," katanya pada sesi dewan, semalam.

Lima ADUN berkenaan adalah Datuk Mohd Shamsudin Lias (Sungai Burong), Zakaria Hanafi (Semenyih), Datuk Mohd Im-

ran Tamrin (Sungai Panjang), Rizam Ismail (Sungai Air Tawar) dan Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (Sijangkang).

Suee Lim berkata, sekiranya pembangkang mahu menjadikan pemakaian baju kebangsaan dalam dewan sebagai serangan terhadap kerajaan PH, mereka seharusnya berhenti dan menyerang menggunakan hujah serta isu.

Teguran itu menimbulkan rasa tidak puas hati Mohd Shamsudin yang kemudian bertukar kecoh apabila beliau mempersoalkan mengapa tidak boleh memakai pakaian kebangsaan di dalam dewan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
3 November 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Pertumbuhan ekonomi Selangor dijangka 2 peratus
Muka Surat	:	22

Sidang DUN Selangor

Pertumbuhan ekonomi Selangor dijangka 2 peratus

Pelaksanaan perintah kawalan akibat COVID-19 punca sektor ekonomi terjejas

Oleh Norzamira Che Noh
 bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Unjuran pertumbuhan ekonomi Selangor pada tahun ini dijangka pada kadar dua peratus, kesan daripada penularan COVID-19.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan PKP Bersyarat (PKPB)

menyebabkan banyak sektor ekonomi terjejas sekali gus menjejaskan unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Unjuran pertumbuhan ekonomi Selangor dibuat dalam tiga senario. Pertama, jika jangkaan KDNK nasional positif 0.5 peratus, kadar pertumbuhan negeri adalah 2.09 peratus.

"Kedua, jika unjuran nasional pada paras negatif 0.5 peratus, kadar pertumbuhan Selangor adalah 1.07 peratus. Senario paling buruk ialah jika jangkaan nasional paras negatif tiga peratus, jangkakan negeri pula paras negatif 1.47 peratus," katanya.

Amirudin berkata demikian ketika menjawab soalan Elizabeth Wong (PH-Bukit Lanjan) berhubung unjuran pertumbuhan ekonomi KDNK Selangor pada Sidang


Dewan Undangan Negeri (DUN), semalam.

Beliau berkata, pelaksanaan PKP dan PKPB turut menjejaskan sektor pembuatan dan perkhidmatan yang menjadi penyumbang terbesar pertumbuhan ekonomi negeri.

Dalam pada itu, menjawab soalan Leong Tuck Chee (PH-Pandamaran) berhubung pendapatan Selangor pada tahun ini, Amirudin berkata kerajaan negeri menepati 90 peratus sasaran pendapatan sehingga 26 Oktober.

"Kita menyasarkan pendapatan RM2.2 bilion pada 2020 dan kita berjaya capai sekitar RM1.99 bilion setakat ini.

"Pendapatan Kerajaan Negeri pada 2017 pula adalah RM1.8 bilion, 2018 (RM1.99 bilion) dan 2019 (2.32 bilion)," katanya.



Amirudin pada sidang DUN Selangor, di Shah Alam, semalam.
 (Foto Muhd Asyraf Sawal/BH)



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 3 November 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor titah PBT, polis pantau SOP PKPB
Muka Surat	:	3

Sultan Selangor titah PBT, polis pantau SOP PKPB

SHAH ALAM: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) negeri ini lebih tegas melakukan pemantauan ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Ini kerana kes jangkitan baharu Covid-19 di negeri ini semakin meningkat dan baginda menzahirkan rasa kecewa apabila ada segelintir pengendali pusat hiburan dan premis makanan tidak serius, lalai dan ingkar mematuhi arahan PKPB.

"Beta khawatir sekiranya kedegilan pematuhan prosedur operasi standar (SOP) PKPB berterusan, penularan wabak Covid-19 juga sukar dibanteras," titah baginda menerusi



SULTAN SHARAFUDDIN

kenyataan dikeluarkan Istana Alam Shah semalam.

Bagaimanapun, Sultan Sharafuddin mengucap tah-

niah kepada dua petugas Hospital Sungai Buloh yang menerima pengiktirafan Anugerah Kesihatan Global (GHA 2020) baru-baru ini.

"Beta bangga dengan pencapaian cemerlang petugas-petugas barisan hadapan di Hospital Sungai Buloh khususnya dan di Selangor amnya yang telah menunjukkan dedikasi dan komitmen tinggi dalam usaha menghapuskan Covid-19.

"Beta berharap para petugas barisan hadapan terus tabah dan cekal dalam menjalankan tugas masing-masing merawat pesakit Covid-19," titah baginda.

Sebagai rekod, dua penerima anugerah GHA 2020 ialah Ketua Jabatan Penyakit Ber-

jangkit, Dr. C. Suresh Kumar dan Ketua Jabatan Anestesia dan Rawatan Rapi, Dr. Shaiful Azman Zakaria.

Menurut laman sesawang GHA 2020, anugerah Asia Pasifik serantau itu bertujuan mengiktiraf syarikat dalam pelbagai pasaran serantau yang mengekalkan piawaian tinggi secara konsisten bagi menyampaikan penjagaan berkualiti untuk menggembirakan pelanggan pada setiap peringkat dan dalam setiap interaksi.

Dr. Suresh Kumar berpengalaman lebih 15 tahun sebagai perunding penyakit berjangkit Hospital Sungai Buloh manakala Dr. Shaiful Azman mengkhusus dalam bidang anesthesiologi dan rawatan rapi sejak 1996.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

3 November 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pencemaran tak selesai selagi ada kilang haram
Muka Surat	:	6

Pencemaran tak selesai selagi ada kilang haram

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL dan NOR AZIHAN MD. GHAZALI**
utusannews@mediamula.com.my

SHAH ALAM: Tindakan kerajaan negeri menyediakan peruntukan yang besar dalam menyelesaikan isu pencemaran air dilihat kurang tepat sekiranya penguatkuasaan dan pemutihan terhadap kilang haram masih lemah sejak tahun 2008 lagi.

Ketua Pembangkang, Rizam Ismail berkata, saban tahun kerajaan negeri menyediakan peruntukan yang tinggi, namun, masih gagal menyediakan perkhidmatan terbaik.

Menurutnya, menerusi Belanjawan 2021, sebanyak RM779 juta diperuntukkan bagi pembangunan projek bekalan air ter-

masuk juga pelan penyelesaian isu pencemaran air di Selangor.

“Daripada jumlah itu, sebanyak RM200 juta untuk projek pengepaman air mentah dari Sungai Selangor ke kolam takungan bagi mengatasi masalah henti tugas loji rawatan air.

“Bagaimanapun, rakyat Selangor terpaksa menunggu lagi 18 bulan untuk melihat hasil yang belum berjaya ini dan terpaksa menanggung masalah gangguan air sekiranya berulang,” katanya ketika membahaskan Belanjawan 2021 Selangor yang dibentangkan Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari Jumaat lalu.

Terdahulu, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM2.32 bilion bagi perbelanjaan tahun 2021. Dengan ber-

temakan ‘Melakar Realiti Baharu: Memperkasa Ekonomi Bermaruah Paksi Kecekalan Rakyat’, belanjawan itu turut memfokuskan lima strategi utama iaitu pertanian, pelancongan dan agropelancongan; kesihatan awam dan bandar berdaya huni; usahawan mikro, digitalisasi dan kemiskinan bandar; penciptaan kekayaan dan industri kreatif.

Rizam yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira (PAC) negeri dalam membahaskan belanjawan itu berkata, kerajaan negeri perlu memberi penekanan terhadap peruntukan naik taraf dan baik pulih infrastruktur sukan berbanding aktiviti pembangunan sukan.

Jelas Ahli Dewan Undangan

Negeri (ADUN) Sungai Air Tawar itu, kerajaan negeri memperuntukkan RM27.9 juta untuk aktiviti pembangunan sukan berbanding RM2.24 juta bagi tujuan membaik pulih dan naik taraf infrastruktur sukan.

“Bagi saya, proses naik taraf fasiliti sukan dan aktiviti pembangunan sukan harus bergerak seiringan. Atlet yang cemerlang hanya boleh dilahirkan apabila adanya kelengkapan fasiliti yang baik untuk tujuan latihan mereka.

“Hasil lawatan mendapati fasiliti di bawah operasi dan penyelenggaraan Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) dan Akademi Bolasepak Merah Kuning (ABMK) amatlah mendukacitakan,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

3 November 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	'MB Selangor tidak langgar perintah HSO'
Muka Surat	:	5

'MB Selangor tidak langgar perintah HSO'

Shah Alam: Pejabat Menteri Besar Selangor mengesahkan menerima kertas siasatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) ke atas Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, semalam.

Setiausaha Sulit yang juga Pegawai Khas beliau, Saifudin Shafi Muhammad berkata, kertas siasatan dibuat mengikut Seksyen 15 dan 22(b) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit

1988 (Akta 342) kerana Amirudin dikatakan melanggar perintah kuarantin dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

“Walaupun siasatan baru sahaja bermula, wajar ditegaskan Menteri Besar Selangor tidak melanggar Perintah Pengawasan dan Pemerhatian Di Rumah ataupun *Home Surveillance Order* (HSO) seperti yang didakwa,” katanya.



KERATAN AKHBAR
3 November 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Perketatkan SOP
Muka Surat	:	7



PETUGAS Kementerian Kesihatan Malaysia bergambar selepas selesai melakukan ujian saringan Covid-19 ke atas penduduk di Plaza Hentian Kajang yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Perketatkan SOP

Kemungkinan berikutan peningkatan kes Covid-19 di KL, Selangor

Oleh Suraya Roslan
 suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan berkemungkinan akan memperketatkan prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi Selangor dan Kuala Lumpur berikutan peningkatan kes positif Covid-19.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, bagaimanapun ia hanya akan diputuskan hari ini selepas

Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) membentangkan cadangan mereka kepada Sidang Khas MKN.

“Esok (hari ini) MKN akan membentangkan apa perancangan mereka sama ada kita perketatkan bukan dengan menutup, tetapi mungkin *adjustment* (penyesuaian) masa (premis).”

“Banyak perkara lain kita boleh lakukan, tetapi semua akan terjawab esok (hari ini).”

“Malah MITI juga akan

membentangkan cadangan mereka apa harus kita lakukan berikutan kes tetap bertambah di kawasan PKPB,” katanya dalam sidang media harian, semalam.

Ismail Sabri juga berkata, pihaknya mendengar pelbagai cadangan daripada semua pihak termasuk melaksanakan PKPB di zon kuning.

“Kita menerima pelbagai cadangan untuk memperketatkan lagi, ada cadangan proaktif di kawasan kuning, kenapa tidak terus PKPB dan hanya menunggu jadi zon merah.

“Macam apa berlaku di Selangor, dulu hanya dua tiga (tempat) merah, tetapi kita buat PKPB di seluruh Selangor,” katanya.

Katanya, di Selangor dan Kuala Lumpur sektor ekonomi masih beroperasi kemungkinan menyumbang kepada peningkatan kes di negeri itu.

“Bagaimanapun, kalau kita mula tidak membenarkan aktiviti ekonomi beroperasi semakin terjejas terutama golongan berpendapatan rendah yang bergantung hidup dengan gaji harian,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 3 November 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor zahirkan ucapan tahniah
Muka Surat	:	9

Shah Alam: Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan menzahirkan ucapan tahniah kepada dua petugas Hospital Sungai Buloh yang menerima pengiktirafan Anugerah Kesihatan Global (GHA 2020), baru-baru ini.

Ucapan tahniah itu diza-

Sultan Selangor zahirkan ucapan tahniah

hirkan kepada Ketua Jabatan Penyakit Berjangkit, Dr C Suresh Kumar dan Ketua Jabatan Anestesia dan Rawatan Rapi, Dr Shaiful Azman Zakaria.

Menerusi *Facebook Selangor Royal Office* sema-

lam, baginda menyatakan perasaan bangga dengan pencapaian cemerlang petugas barisan hadapan di

Hospital Sungai Buloh khususnya dan di Selangor amnya yang menunjukkan dedikasi dan komitmen tinggi dalam usaha

menghapuskan wabak berbahaya Covid-19.

Baginda juga berharap petugas barisan hadapan terus tabah dan cekal dalam menjalankan tugas masing-masing merawat pesakit Covid-19.

Selain itu, baginda turut mengingatkan pihak berkuasa tempatan di Selangor serta polis supaya lebih tegas dalam pemantauan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat berikutan statistik kes baharu Covid-19 di Selangor yang terus meningkat.

**Bangga pencapaian
cemerlang petugas
barisan hadapan di
Hospital Sungai Buloh**



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

3 November 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Kecoh baju melayu
Muka Surat	:	19



ADUN Sungai Air Tawar, Rizam Ismail berucap ketika sesi Sidang Dun, semalam.

SIDANG DUN SELANGOR

Kecoh baju Melayu

Speaker tegur lima Adun berpakaian kebangsaan dalam dewan

Oleh Norzamira Che Noh
 am@hmetro.com.my

Shah Alam

Lima Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) pembangkang di Selangor ditegur **Speaker Ng Suee Lim** kerana memakai baju kebangsaan (baju Melayu) pada permulaan sesi Sidang Dewan Undangan Negeri (Dun), semalam.

Lima Adun berkenaan adalah Datuk Mohd Shamsudin Lias (Sungai Burong), Zakaria Hanafi (Semenyih),

Datuk Mohd Imran Tamrin (Sungai Panjang), Rizam Ismail (Sungai Air Tawar) dan Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (Sijanggang).

Suee Lim ketika permulaan sesi sidang menegur tindakan Adun yang dilihat tidak mengikut peraturan yang ditetapkan dalam dewan berkenaan.

"Pagi ini (semalam), saya nampak dalam dewan yang dilihat tidak mengikut peraturan yang ditetapkan yang sudah saya tetapkan.

"Sebagai Speaker dewan, saya menetapkan bahawa Adun mesti berpakaian ke-

mas *long suit* pada sesi dewan dan kelonggaran saya berikan pada Jumaat iaitu Adun boleh memakai pakaian kebangsaan.

"Perkara sama, saya tegaskan kepada Adun Temppler (Pakatan Harapan) sebelum ini. Hari ini (semalam) saya berikan teguran dan esok (hari ini) sila ikut peraturan yang ditetapkan supaya rakyat melihat kita sebagai pemimpin yang berdisiplin," katanya pada sesi dewan pagi, semalam.

Beliau berkata, sekiranya pembangkang mahu menjadikan pemakaian baju ke-

bangsaan dalam dewan sebagai satu serangan terhadap kerajaan PH, mereka seharusnya berhenti dan menyerang menggunakan hujah serta isu.

Teguran itu bagaimanapun menimbulkan rasa tidak puas hati Mohd Shamsudin yang mendakwa rakyat tidak akan marah sekiranya Adun memakai baju kebangsaan dalam dewan.

Keadaan kemudian bertukar kecoh apabila Mohd Shamsudin terus mempersoalkan kenapa tidak boleh memakai pakaian kebangsaan dalam dewan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 3 November 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Kelewatan WCE siap babit isu tanah
Muka Surat	:	19

Kelewatan WCE siap babit isu tanah

Shah Alam: Pembinaan jajaran Lebuhraya Pantai Barat (WCE) di Selangor dijangka siap sepenuhnya pada 2024, sedikit lewat daripada sasaran awal yang ditetapkan sebelum ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Izham Hashim berkata, berdasarkan jadual asal, jajaran WCE di Selangor pada awalnya dijangka siap pada akhir 2022 atau awal 2023.

"Bagaimanapun, ia kini mengalami kelewatan berpunca daripada isu pengambilan tanah di Banting se-



IZHAM

lain penjarangan baru di pakej tujuh yang terletak di Tanjong Karang yang membatalkan pengambilan tanah

yang belum selesai.

"Selain masalah pengambilan tanah, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac lalu turut menyumbang kepada kelewatan berkenaan," katanya ketika menjawab soalan tambahan **Ahli Dewan Undangan Negeri Banting (PH), Lau Weng San** pada Sidang Dun Selangor di sini, semalam.

Beliau berkata, kerajaan negeri, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) sentiasa memantau perjalanan pembinaan lebuhraya berkenaan bagi memastikan pembinaannya dilaksanakan mengi-

kut sasaran ditetapkan.

Mengulas mengenai penjarangan baharu di Tanjong Karang, Izham berkata, pihaknya akan memastikan pembinaan lebuhraya di kawasan itu tidak menyusahkan penduduk.

"Kami akan beri perhatian semaksimum mungkin untuk mengelakkan gangguan pada rumah penduduk sewaktu proses pengambilan tanah dilakukan.

"Tetapi, tidak dinafikan kawasan terbabit juga adalah padat dan mungkin ada penduduk akan terbabit dalam proses itu, namun kami akan minimumkan kesannya," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
3 November 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	PBT, polis perlu lebih tegas pantau SOP
Muka Surat	:	6

PBT, polis perlu lebih tegas pantau SOP

Oleh **MOHD. YUNUS YAKKUB**

SHAH ALAM – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mengingatkan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan polis di negeri ini supaya lebih tegas dalam pemantauan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Sultan Sharafuddin turut menzahirkan rasa kecewa kerana masih terdapat segelintir pihak yang tidak mengambil serius, lalai dan ingkar dalam mematuhi arahan PKPB khususnya pengendalian premis-premis hiburan dan makanan.

"Baginda khuatir sekiranya kedegilan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) di bawah PKPB ini berterusan, penularan wabak berbahaya Covid-19 ini akan sukar untuk dibanteras sepenuhnya," titah baginda dalam kenyataan dikeluarkan Istana Alam Shah semalam.

Untuk rekod Selangor mencatatkan kes harian baharu tertinggi iaitu sejumlah 225 kes

pada kelmarin.

Dalam perkembangan berlainan, Sultan Sharafuddin menzahirkan ucapan penghargaan kepada dua petugas Hospital Sungai Buloh, Selangor yang menerima pengiktirafan Anugerah Kesihatan Global (GHA 2020) baru-baru ini.

Dua petugas berkenaan adalah Ketua Jabatan Penyakit Berjangkit, Dr. C. Suresh Kumar dan Ketua Jabatan Anestesia dan Rawatan Rapi, Dr. Shaiful Azman Zakaria.

"Baginda amat berbangga dengan pencapaian cemerlang yang dicatatkan petugas-petugas barisan hadapan di Hospital Sungai Buloh khususnya dan di Selangor amnya yang telah menunjukkan dedikasi dan komitmen yang tinggi dalam usaha menghapuskan wabak berbahaya Covid-19.

"Justeru, diharap para petugas barisan hadapan terus tabah dan cekal dalam menjalankan tugas masing-masing merawat pesakit Covid-19," titah baginda.



SULTAN SHARAFUDDIN menzahirkan kekecewaan terhadap segelintir pihak yang lalai dan ingkar dengan arahan serta SOP PKPB. – FACEBOOK SELANGOR ROYAL OFFICE



KERATAN AKHBAR
3 November 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Pejabat MB Selangor sahkan terima kertas siasatan ingkar SOP
Muka Surat	:	6

Pejabat MB Selangor sahkan terima kertas siasatan ingkar SOP

SHAH ALAM – Pejabat Menteri Besar Selangor mengesahkan menerima kertas siasatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) terhadap Datuk Seri Amirudin Shari berhubung melanggar perintah kuarantin yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan (KKM).

Setiausaha Sulit Menteri Besar Selangor, Saifudin Shafi Muhammad berkata, siasatan itu mengikut Seksyen 15 dan 22(b) Akta Pencegahan Dan Pengawasan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Katanya, walaupun siasatan baharu sahaja bermula, namun ditegaskan Amirudin tidak melanggar perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah (HSO) seperti didakwa.

“Amirudin telah pulang dari Sabah pada 28 September dan terus menjalani saringan Covid-19 menggunakan kaedah RT-PCR di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) dan keputusan didapati negatif pada keesokan harinya.

“Mengikut direktif Kerajaan Persekutuan, kuarantin tidak perlu dijalankan untuk individu yang dikesan negatif saringan ujian RT-PCR sesuai dengan kenyataan Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 22 September 2020 bahawa individu yang pulang dari Sabah tidak perlu menjalani kuarantin,” katanya dalam kenya-



AMIRUDIN

taan di sini semalam.

Beliau menjelaskan Amirudin turut diberi surat pelepasan HSO ekoran keputusan ujian tersebut, namun atas prinsip kebertanggungjawaban, Menteri Besar Selangor itu tetap menjalankan kuarantin sendiri sebagai langkah berhati-hati dan bertanggungjawab melebihi syarat yang ditetapkan oleh KKM.

Ujarnya, susulan kes pencemaran dikesan di Loji Rawatan Air Sungai Semenyih yang berasal dari pencemaran Sungai Batang Benar, Negeri Sembilan pada 4 Oktober lalu terpaksa ditangani dan diberikan perhatian berikutan ia menyebabkan 309,687 pemegang akaun melibatkan hampir 1.3 juta pengguna

di wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang mengalami gangguan bekalan air.

“Malah, atas prinsip akauntabiliti, Amirudin turut telah memaklumkan tindakan tersebut kepada orang awam melalui media sosial beliau pada hari yang sama,” jelasnya.

Sehubungan itu, Saifudin menegaskan mengikut fakta dan undang-undang disyorkan Kerajaan Persekutuan adalah wajar difahami Amirudin tidak melanggar sebarang bentuk HSO kerana surat pelepasan ekoran ujian negatif telah pun diberikan pada 29 September lalu.

“Sejumlah tiga ujian swab RT-PCR telah pun dijalankan dalam tempoh 14 hari bermula 28 September diikuti 4 Oktober dan 9 Oktober lalu dan kesemuanya menunjukkan keputusan negatif.

“Oleh demikian, Amirudin adalah mengambil langkah berhati-hati sebagai tambahan kepada Tatacara Pengendalian Piawai yang disyorkan oleh KKM,” katanya.

Dalam perkembangan sama, Saifudin berkata, perkara sebegini tidak wajar dipolemikan secara berlebihan sehingga menambah beban kerja PDRM terutama dalam keadaan ribuan anggota PDRM terpaksa menjalani kuarantin rentetan gelombang ketiga pandemik Covid-19 mutakhir ini.



KERATAN AKHBAR 3 November 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	DUN kecoh sebab pakaian kebangsaan
Muka Surat	:	7



MOHD. IMRAN (belakang, kiri), Zakaria (belakang, kanan) dan Mohd. Shamsudin (depan, berdiri) hadir ke sidang DUN dengan memakai baju kebangsaan semalam.

DUN kecoh sebab pakaian kebangsaan

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor yang berlangsung semalam kecoh selama 10 minit gara-gara isu pakaian kumpulan pembangkang yang mengenakan baju kebangsaan.

Ini berikutan teguran Speaker DUN, Ng Suee Lim yang menyatakan kesemua wakil rakyat tersebut melanggar peraturan yang ditetapkan dalam etika berpakaian ketika sesi tersebut.

Mereka yang memakai baju kebangsaan adalah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Air Tawar merangkap Ketua Pembangkang, Rizam Ismail, Datuk Mohd. Shamsudin Lias (ADUN Sungai Burong), Datuk Mohd.

Imran Tamrin (ADUN Sungai Panjang), Zakaria Hanafi (ADUN Semenyih) dan Datuk Dr. Ahmad Yunus Hairi (ADUN Sijanggang).

“Saya telah tetapkan bahawa hari biasa perlu memakai baju *long suit* manakala Jumaat pula dibenarkan memakai baju Melayu.

“ADUN adalah pemimpin yang dipilih rakyat dan mereka perlulah matang. Bagaimana rakyat melihat ADUN yang mereka pilih tetapi tidak patuh pada peraturan yang ditetapkan,” kata Suee Lim.

Bagaimanapun, Mohd. Imran mempertahankan tindakan memakai pakaian kebangsaan sepanjang sesi sidang berlangsung kerana tiada penetapan peraturan berhubung perkara

tersebut.

“Semua pihak mendapat surat jemputan persidangan sidang DUN, tetapi dalam surat ini tiada penetapan bahawa surat jemputan tersebut adalah peraturan tetap.

“Oleh demikian, selagi tidak dimasukkan, hak sesiapa untuk memakai difikirkan sesuai dan mematuhi mesyuarat melainkan ada satu peraturan pakaian baju Melayu dan songkok tidak boleh dipakai secara rasmi,” jelasnya.

Untuk rekod, dua tahun lalu, ADUN Taman Templer, Sany Hamzan juga pernah ditegur oleh Speaker kerana memakai baju kebangsaan sepanjang tempoh sidang DUN Selangor berikutan dikatakan boleh mencemar kesucian Dewan.



KERATAN AKHBAR
3 November 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Dua suspek cemar Sungai Gong dituduh hari ini
Muka Surat	:	20

Dua suspek cemar Sungai Gong dituduh hari ini

SHAH ALAM - Dua lelaki yang merupakan pengarah sebuah syarikat akan dituduh di Mahkamah Sesyen Selayang hari ini susulan insiden pencemaran Sungai Gong sebelum ini.

Kedua-dua individu berkenaan yang masing-masing berusia 61 dan 31 tahun akan dituduh di bawah Seksyen 430 Kanun Keseksan selepas kertas siasatan kes itu dirujuk ke Pejabat Peguam Negara semalam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Selangor, Datuk Fadzil Ahmat berkata, enam pekerja syarikat itu juga akan dijadikan saksi pendakwaan

kes berkenaan.

“Selain itu, kedua-dua pengarah itu juga akan dikenakan pertuduhan tambahan di bawah Seksyen 25(3) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sebelum ini, Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3 dan Rantau Panjang dihenti tugas berikutan insiden pencemaran minyak sehingga menyebabkan 1,292 kawasan di tujuh wilayah sekitar Lembah Klang mengalami gangguan bekalan air



FADZIL AHMAT

tidak berjadual.

Dalam pada itu, Fadzil berkata, buat masa ini terdapat lima kes berkaitan pencemaran air sedang disiasat pihaknya.

“Ini adalah kes kedua dituduh bagi kesalahan mencemar air sejak JSJ Selangor mengambil alih tindakan

pada September lalu,” katanya.

Katanya, JSJ Selangor akan memastikan siasatan dan pendakwaan dikenakan ke atas pihak yang terlibat dalam kesalahan tersebut.



KERATAN AKHBAR

3 November 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Baju kebangsaan kecohkan Sidang Dun Selangor
Muka Surat	:	22

Baju kebangsaan kecohkan Sidang DUN Selangor

SHAH ALAM - Pembukaan Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor semalam sedikit kecoh apabila Speaker, Ng Suee Lim menegur tindakan beberapa pemimpin pembangkang yang memakai baju kebangsaan.

Lima Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) pembangkang berkenaan ialah Datuk Mohd Shamsudin Lias (Sungai Burong); Zakaria Hanafi (Semenyih); Datuk Mohd Imran Tamrin (Sungai Panjang); Rizam Ismail (Sungai Air Tawar) dan Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (Sijangkang).

Kekecohan mula tercetus apabila Suee Lim menegur tindakan ADUN terlibat yang dikatakan tidak mengikuti peraturan mesyuarat ditetapkan.

“Pagi ini (semalam), saya nampak dalam Dewan mulia ini, ADUN melanggar peraturan yang sudah saya tetapkan.

“Sebagai Speaker,

saya menetapkan bahawa ADUN mesti berpakaian kemas *long suit* pada sesi Dewan dan kelonggaran saya berikan pada hari Jumaat iaitu ADUN boleh pakai pakaian kebangsaan (baju Melayu),” katanya.

Bagaimanapun, teguran Suee Lim itu menimbulkan rasa tidak puas hati Mohd Shamsudin yang mendakwa rakyat tidak akan kisah sekiranya ADUN memakai baju kebangsaan sewaktu persidangan berlangsung.

Ketika ditemui pada sidang akhbar di lobi Bangunan Annex, Suee Lim berkata, tindakan ADUN terlibat adalah semata-mata bagi meraih kepentingan politik semata-mata dan perkara itu tidak sewajarnya menjadi pertikaian.

“Perkara ini saya tetapkan sudah lama di mana pakaian baju kebangsaan dibenarkan pada Jumaat sahaja dan semua pihak perlu patuh arahan itu,” katanya.



KERATAN AKHBAR

3 November 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Lebu Raya WCE di Selangor dijangka siap pada 2024
Muka Surat	:	22

Lebu Raya WCE di Selangor dijangka siap pada 2024

SHAH ALAM - Pembinaan Lebu Raya Pesisiran Pantai Barat (WCE) di Selangor bakal berdepan kelewatan susulan proses pengambilan tanah dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini.



IZHAM

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodelan Pertanian dan Industri Asas Tani, Ir Izham

Hashim berkata, berikutan itu, pihak pemaju meletakkan tempoh sasaran baharu bagi pelaksanaan projek itu yang dijangka siap pada tahun 2024.

Beliau berkata, pembinaan WCE di Selangor melibatkan tujuh pakej secara keseluruhan dan pembukaan lebu raya itu juga akan dibuat secara berperingkat bagi memudahkan pengguna.

“Punca kelewatan adalah disebabkan oleh isu tanah yang berlaku di Seksyen 1, 2 dan 3 sekitar Banting berkaitan beberapa lot tanah yang masih dalam proses penyelesaian.

“Jajaran Seksyen 7 iaitu sekitar Tanjung Karang pula berlaku perubahan dan melambatkan pembinaan ini,” katanya semalam.

Izham berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan **Law Weng San (Banting-DAP)** yang bertanyakan berhubung status terkini pembinaan Lebu Raya WCE khususnya di Kuala Langat.



KERATAN AKHBAR		
3 November 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Pembangking bangkitkan isu air
Muka Surat	:	22

Pembangking bangkitkan isu air

Dakwa peruntukan setiap tahun tinggi tetapi pencemaran air sentiasa berulang di Selangor

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Isu pencemaran air yang kerap berlaku di negeri ini menjadi antara fokus utama pembangking pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor yang bermula semalam.

Ketua Pembangking DUN Selangor, Rizam Ismail berkata, peruntukan kerajaan negeri pada setiap tahun bagi menangani isu air sentiasa tinggi, namun masalah itu masih berulang dengan senario yang sama.

Menurutnya, sejak mentadbir Selangor kira-kira 12 tahun lalu, pentadbiran kerajaan negeri masih gagal menyelesaikan isu itu sehingga hari ini.

"Air adalah komponen utama kepada produktiviti dan aktiviti ekonomi negeri. Jadi, isu pencemaran sungai sepatutnya diatasi sejak dahulu lagi," katanya pada sidang akhbar di lobi Bangunan



Rizam (tengah) pada sidang akhbar di lobi Bangunan Annex, Shah Alam semalam.

Annex di sini semalam.

Mengulas lanjut, Rizam berkata, tindakan kerajaan Selangor memberikan tawaran kepada pemilik kilang haram menerusi program pemutihan sebelum ini juga tidak wajar sebaliknya operasi pihak terlibat sepatutnya dihentikan serta-merta berikutan mengundang risiko kepada sumber air.

Katanya, pengawasan sungai menggunakan dron juga tidak efektif bagi mengatasi isu pencemaran air yang berlaku di negeri ini.

"Pada saya, kerajaan negeri perlu mencari punca sebenar iaitu

memberi tumpuan kepada kilang-kilang haram yang masih beroperasi," katanya.

